

(13 November 2020) Anwar, P. B.

Bimbang pergerakan tidak dikawal

Pelaksanaan PKPB di beberapa negeri diharap dapat memutuskan penularan pandemik Covid-19

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyuarakan kebimbangan pergerakan keluar masuk enam juta rakyat di Lembah Klang dan Negeri Sembilan akan menyumbang kepada peningkatan kes Covid-19 di negeri-negeri itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hampir semua

daerah di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya kini zon merah Covid-19.

Menurutnya, agak sukar untuk mengawal pergerakan penduduk yang tinggi dan padat di negeri-negeri terlibat.

Sehubungan itu, katanya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Malaysia kecuali Perlis, Kelantan dan Pahang diharap dapat mengurangkan pergerakan rentas negeri, khususnya di Lembah Klang dan Negeri Sembilan, seterusnya memutuskan rantaian penularan baharu Covid-19.

"Pergerakan (orang awam) dari zon-zon merah di Lembah Klang agak sukar dikawal berbanding zon merah di Sabah ke Semenanjung misalnya, kerana kita boleh saring dan kenal pas-

ti mereka apabila keluar dari Sabah.

"Kita (KKM) bimbang jika orang dari Lembah Klang atau Negeri Sembilan yang dijangkiti Covid-19 merentas negeri ke zon hijau, ia akan bawa jangkitan.

"Oleh itu, walaupun tak dapat bataskan 100 peratus pergerakan keluar masuk tetapi PKPB dapat kurangkan pergerakan itu," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kebimbangan itu timbul apabila data keseluruhan kes baharu



DR NOOR HISHAM

di Lembah Klang dan Negeri Sembilan kini mengatasi jumlah kes di Sabah.

Menurutnya, jumlah keseluruhan kes baharu di Lembah Klang dan Negeri Sembilan adalah sebanyak 464 kes berbanding 319 kes di Sabah.

"Perkembangan penularan kes di Sabah ketika ini dilihat mulai stabil berbanding pada minggu lalu," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, seramai 996 pesakit sembuh daripada Covid-19 iaitu lebih tinggi berbanding sebanyak 919 kes baharu yang dila-

porkan semalam.

"Ia menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 32,069 kes, manakala bilangan kes aktif dengan kebolehsangkitan mencatat sebanyak 11,419 kes," katanya.


Menurutnya, daripada 919 kes baharu semalam, sebanyak 916 kes merupakan penularan dalam negara, sementara bakiannya adalah kes import.

Mengenai tiga kes import, Dr Noor Hisham berkata, kes tersebut melibatkan dua warganegara dan seorang bukan warganegara yang tiba dari Indonesia, Nigeria dan Arab Saudi.

"Terdapat satu kematian baharu akibat Covid-19 dilaporkan hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan yang maut sebanyak 303 kes," katanya. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 12 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 42,872 kes kepada 43,791 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI				
JUMLAH KESELURUHAN:	43,791	PULIH: 32,069	ICU: 92	KEMATIAN: 303
				KES BAHARU +919

